

Kuala Lumpur

Ekonomi Malaysia dianggarkan berkembang 5.8 peratus pada suku tahun kedua 2024, meningkat daripada 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya, demikian menurut jangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagi separuh pertama 2024, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat 5.0 peratus berbanding 4.1 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya, sekali gus seiring dengan unjuran Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak 4.0 hingga 5.0 peratus.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pertumbuhan pada suku kedua 2024 itu juga adalah yang tertinggi sejak suku keempat 2022 pada 7.4 peratus.

"Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh faktor domestik dan eksport dengan prospek positif untuk baki tempoh tahun ini.

"Peningkatan perbelanjaan penggunaan isi rumah dirangsang oleh musim perayaan dan cuti sekolah serta pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 pada April 2024.

"Tambahan lagi, sejumlah RM6.98 bilion telah dikeluarkan daripada Akaun 3 (Akaun Fleksibel) Kum-

Bisnes

**KEKAL MOMENTUM
PERTUMBUHAN**

*Ekonomi Malaysia dianggarkan berkembang
5.8 peratus pada suku tahun kedua 2024*

BAGI separuh pertama 2024, KDNK meningkat 5.0 peratus berbanding 4.1 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

pulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setakat Jun 2024 untuk menyokong keperluan kewangan jangka

pendek," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, anggaran pertumbuhan yang

dicatatkan pada suku kedua adalah sejajar dengan indikator terkini seperti Indeks Pengeluaran Perin-

dustrian (IPP) yang masing-masing meningkat 6.1 peratus dan 2.4 peratus pada April dan Mei 2024

berbanding tahun sebelumnya.

Sementara itu, beliau berkata nilai jualan borong dan runcit meningkat 6.6 peratus pada April dan 7.1 peratus pada Mei berdasarkan asas tahun ke tahun.

Bagi sektor luaran, katanya jumlah perdagangan, eksport dan juga import mengalami peningkatan berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

"Faktor lain termasuk peningkatan ketibaan pelancong serta pengeluaran kelapa sawit dan kemajuan pembangunan projek mega," katanya.

Mohd Uzir menambah, prestasi ekonomi pada suku tahun kedua dipacu oleh sektor perkhidmatan, dengan hampir semua sektor utama menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik berbanding suku tahun sebelumnya.

Beliau berkata, sektor perkhidmatan terus meningkat kepada 5.6 peratus berbanding 4.7 peratus pada suku pertama 2024, disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan serta kewangan dan insurans.

Katanya, sektor pembuatan meningkat kepada 4.7 peratus daripada 1.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor.